

Penilaian Guru Prasekolah Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang Terhadap Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia

(Evaluation on Preschool Road Safety Education of Ministry of Education Malaysia Module by Preschool Teacher in Kuala Langat District and Sepang District)

Chua Hooi Ling^{1*}, Faridah Yunus²

¹ Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tanjong Sepat, 42800 Tanjong Sepat, Selangor, MALAYSIA

² Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, MALAYSIA

* Pengarang Koresponden: p99684@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.24>

Abstrak: *Kajian ini dijalankan untuk menyiasatkan hubungan antara penilaian guru prasekolah terhadap kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah (PKJRP) Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul PKJRP diperkenalkan di peringkat prasekolah dan sekolah rendah dengan tujuannya untuk mendidik dan membimbing pengguna jalan raya keutamanya murid-murid prasekolah agar memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran asas menjaga keselamatan jalan raya. Dengan itu, guru-guru prasekolah sebanyak 115 orang di daerah Kuala Langat dan Sepang Selangor telah terlibat dalam persampelan rawak kajian ini. Ujian korelasi telah digunakan untuk mengenalpasti tahap hubungan antara penilaian guru-guru prasekolah terhadap kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul PKJRP, manakala Ujian Satu Hala ANOVA digunakan untuk mengenalpasti tahap kepuasan guru prasekolah terhadap modul PKJRP. Keputusan yang ditunjukkan dalam Ujian Korelasi telah membuktikan bahawa terdapat hubungan positif antara penilaian guru prasekolah dengan kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul PKJRP. Dapatan Ujian Satu Hala ANOVA juga menunjukkan nilai signifikan, $p < 0.05$. Implikasi kajian bahawa modul PKJRP adalah bersesuaian dengan tahap pendidikan prasekolah supaya murid-murid prasekolah boleh menggunakan pengetahuan dan kefahaman mereka ketika menggunakan jalan raya.*

Kata Kunci: Modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah, Pendidikan Prasekolah

Abstract: *This study was conducted to investigate the relationship between the evaluation of preschool teachers on the quality of content and the potential effectiveness of the Preschool Road Safety Education (PKJRP) made by the Ministry of Education Malaysia. The PKJRP module was introduced at the preschool and primary school levels with the aim of educating and guiding road users, especially to the preschool level students, in order to provide basic knowledge and skills to maintain road safety. Thus, 115 preschool teachers in the districts of Kuala Langat and Sepang Selangor were involved in the random sampling of this study. Correlation test was used to identify the level of relationship between preschool teachers' evaluation of content quality and potential effectiveness of PKJRP module, while One-Way ANOVA Test was used to identify the level of satisfaction of preschool teachers on PKJRP*

module. The results shown in the Correlation Test have proved that there is a positive relationship between the evaluation of preschool teachers with the quality of content and the potential effectiveness of the PKJRP module. Findings of One -Way ANOVA also showed a significant value, $p < 0.05$. The implication of the study is that the PKJRP module is appropriate to the level of preschool education so that preschool students can apply their knowledge and road safety concepts when using the road.

Keywords: Preschool Road Safety Education of Ministry of Education Malaysia Module, Education of Preschool.

1. Pengenalan

Kes kemalangan jalan raya semakin meningkat di persekitaran institusi pendidikan seperti sekolah menengah dan rendah, dengan dipaparkan pada muka depan akhbar tempatan (Ting, Tan, et al. 2020). Pada 14 Januari 2016, terdapat seorang pelajar terbabit dalam kemalangan jalan raya di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Permai Perdana, Kajang 9. Sehubungan itu terdapat juga tragedi yang melibatkan seorang lagi pelajar dari Sekolah Kebangsaan Teluk Medan, Bagai Serai, Perak juga terbabit dalam kemalangan jalan raya semasa melintas jalan di hadapan sekolah. Oleh yang demikian, Awaluddin, Ahmad, et al. (2019) menekankan bahawa kepentingan dalam peningkatan kesedaran tentang penilaian guru sekolah terhadap modul pendidikan keselamatan jalan raya prasekolah kementerian pendidikan malaysia serta pemupukan kepentingan keselamatan jalan raya di kalangan pelajar sekolah. Ismail, Hamzah, et al. (2018) menyatakan bahawa salah satu kaedah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran adalah melalui latihan atau bengkel pengetahuan. Di samping itu, Halim, Amarah, et al. (2020) juga mensyorkan bahawa pentingnya pendidikan dan latihan keselamatan jalan raya untuk guru sekolah dalam memastikan keselamatan pelajar atau pengguna jalan raya di luar sekolah. Dengan itu, KPM telah menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan awam, termasuk modul Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Prasekolah (PKJRP) bertujuan untuk mengatasi masalah potensi kemalangan jalan raya dan memenuhi keperluan kualiti sosial sekolah.

Kajian-kajian juga menekankan pentingnya kerjasama antara guru sekolah untuk menyampaikan pengetahuan yang relevan dan diinginkan oleh murid dan ibu bapa. Sehubungan itu Mahayadin, Shahrman, et al. (2018) dan Hassan, Makhtar, et al. (2019) menegaskan bahawa pengetahuan guru dan pakar keselamatan jalan raya mengenai keselamatan jalan raya di sekolah mesti diperkuat dan mereka harus lebih bersedia untuk menyediakan pembelajaran berasaskan tempat kerja untuk murid-murid. Melalui kaedah ini, murid sekolah akan lebih mengetahui risiko keselamatan jalan raya di sekolah. Hasil Kajian Harith, Mahmud, et al. (2020) juga telah mengenal pasti bahawa komunikasi antara murid, guru, dan penyelia mereka adalah kaedah terbaik untuk memenuhi matlamat modul PKJRP. Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa strategi pendidikan dan kesedaran untuk mencegah kecederaan dan kemalangan di kalangan orang muda terutamanya pelajar telah banyak dijelaskan dalam literatur ilmiah. Selain itu, program latihan keselamatan telah dijalankan untuk menangani sikap atau tingkah laku pelajar yang cenderung menyebabkan kecederaan di sekolah. Beberapa kajian penyelidikan menunjukkan bahawa sebahagian besar pendekatan latihan keselamatan jalan raya berdasarkan pada paradigma pendidikan tingkah laku, berorientasikan untuk memastikan sikap atau tingkah laku pelajar mengikuti peraturan Occupational Safety and Health (OSHA) (Ting, Tan, et al. 2020).

Maka itu, Pelaksanaan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) Peringkat Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dimaklumkan supaya memperkenalkan kepada murid bermula dari peringkat prasekolah. Dengan itu, Modul Pendedahan Guru Pendidikan Keselamatan Jalan Raya atau Buku Panduan Guru Pendidikan Jalan Raya Prasekolah juga diperkenalkan dengan bertujuan untuk memberikan panduan yang lebih jelas kepada para guru prasekolah agar dapat mengaplikasi penyerapan ilmu keselamatan jalan raya dalam pendidikan prasekolah secara optimum. Kajian ini memfokuskan kepada peranan dan pengetahuan guru prasekolah secara terhadap aspek kualiti kandungan modul PKJRP.

2. Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

PKJRP telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara Malaysia bermula tahun 2010. PKJRP ini memfokuskan pengajaran kemahiran berbahasa tetapi isi kandungan pengajaran tentang PKJR adalah kurang berkesan dengan tahap pendidikan prasekolah (Ngo, 2020). Dengan itu, KPM memperkenalkan Panduan Pelaksanaan Keselamatan Jalan Raya Sekolah Prasekolah. Modul pengajaran PKJRP membantu guru mengajar kurikulum PKJR dengan konsep yang sesuai. Modul pengajaran PKJRP disertakan buku aktiviti murid, poster dan cakera padat untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah.

Satu semakan terhadap pengajaran PKJR telah dijalankan pada tahun 2016 dengan mengubahsuai sukatan pengajaran dan disediakan oleh KPM. Bahan-bahan yang disediakan seperti buku aktiviti guru, buku panduan guru, modul pendedahan guru dan video audio animasi dengan mengikut perkembangan pendidikan abad ke-21. Akan tetapi, guru yang tidak menguasai kemahiran mengajar PKJR menyebabkan isi kandungan PKJR gagal diajar dengan secara optimum. Kemahiran mengajar seseorang guru akan mempengaruhi proses kefahaman murid. Seperti Magdeline dan Zamri (2016) berpendapat murid akan menghadapi masalah dalam penguasaan topik yang diajar sebab kegagalan guru menguasai kemahiran ilmu pedagogi. Kajian Mazlan (2016) mendapati kaedah pengajaran guru yang kurang mamtap menyebabkan pelaksanaan kurikulum PKJR tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Menurut Rohaida (2017), guru mempunyai pandangan terhadap sesuatu dasar atau program yang dilancarkan oleh kerajaan tidak akan berkekal dalam jangka masa yang panjang. Pengalaman mengajar seseorang guru saling berhubung kait dengan kualiti pengajaran sendiri (Zamri & Anita, 2020). Maka, kajian ini telah berfokus kepada kualiti modul pengajaran, potensi keberkesanan serta kepuasan keseluruhan modul pengajaran di kalangan guru prasekolah di Malaysia.

3. Penyataan Masalah

Darma, Karim, et al. (2017) menyatakan bahawa, kecederaan dan kematian di jalan raya memberi impak yang besar kepada individu, masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sering membincang keselamatan jalan raya yang merupakan salah satu punca masalah yang kekurangan tumpuan di kalangan masyarakat.. Menurut laporan Deme, (2019) di Afrika Selatan, kecederaan pejalan kaki dikenal pasti sebagai mangsa kanak-kanak tertinggi, dengan 22% daripada jumlah mangsa pejalan kaki. Sementara itu, kajian Ashraf, Hur, et al. (2019) juga menunjukkan bahawa jumlah orang yang terbunuh setiap tahun dalam kemalangan jalan raya adalah sekitar 1.3 juta, bersama dengan 50 juta kes kecederaan dan sekitar 260.000 kematian yang melibatkan kanak-kanak. Selain itu, juga menemui bahawa kira-kira satu juta telah dilumpuhkan secara kekal. Dalam kajian Mahat, Jamil, et al. (2020), 133,938 orang didapati mengalami kemalangan jalan raya di Malaysia. Laporan yang sama menunjukkan bahawa disebabkan oleh pelaporan bawah, dan angka

sebenarnya kematian di jalan raya adalah sekitar 231,0002. Oleh itu, pengurusan keselamatan jalan raya adalah penting untuk mencegah kematian jalan raya di sekolah melalui aspek potensi keberkesanan modul PKJRP. Ismail, Hamzah, et al. (2018) juga menegaskan bahawa guru sekolah juga mesti memainkan peranan penting untuk melaksanakan keselamatan jalan raya kerana kemalangan juga menjadi perkara biasa di sekitar sekolah, di mana pelajar, guru dan kakitangan menghabiskan sebahagian besar waktunya. Halim, Amarah, et al. (2020) melaporkan bahawa pelajar sekolah biasa menghabiskan sekitar 180 hari setahun di sekolah sekitar 6 jam sehari. Oleh itu, sekolah dianggap sebagai tempat penting. Oleh itu, kebarangkalian risiko dan bahaya berlakunya kemalangan di dalam atau sekitar sekolah adalah tinggi. Selain itu, pendidikan keselamatan jalan raya PKJRP juga dapat membantu memenuhi sasaran dan objektif kesihatan dan alam sekitar. Kassim, Hanan, et al. (2019) menegaskan perlunya peningkatan tahap pengetahuan guru terhadap PKJRP mencerminkan peningkatan pendidikan sekolah. Kajian Mohamad, Mohamad, et al. (2017) juga mendapati bahawa komunikasi antara pelajar, guru, dan penyelia di tempat kerja adalah bahagian penting untuk mencapai latihan yang berfungsi dengan baik. Dengan demikian, pendidikan keselamatan jalan raya PKJRP telah diperkenalkan di sekolah rendah. Akhirnya, terdapat kekurangan maklumat dan kajian diperlukan untuk menghasilkan silibus mengenai latihan keselamatan jalan raya yang memberi tumpuan kepada murid-murid prasekolah agar mengamalkan pengetahuan yang ada di peringkat pendidikan awal. Secara keseluruhannya, keperluannya untuk meneliti penilaian guru terhadap aspek kualiti kandungan modul PKJRP di peringkat pendidikan awal kanak-kanak.

4. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kuantitatif, statistik SPSS telah digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara penilaian guru terhadap aspek kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul PKJRP. Dengan itu, objektif kajian adalah untuk:

- 1) Menenalpasti tahap hubungan antara penilaian guru terhadap aspek kualiti kandungan modul PKJRP
- 2) Menenalpasti tahap hubungan antara penilaian guru terhadap aspek potensi keberkesanan modul PKJRP
- 3) Menenalpasti perbezaan antara kepuasan guru terhadap modul PKJRP

4.1 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis dalam kajian ini, iaitu:

- H01: Tiada hubungan antara penilaian guru terhadap aspek kualiti kandungan modul PKJRP.
H02: Tiada hubungan antara penilaian guru terhadap aspek potensi keberkesanan modul PKJRP.
H03: Tidak terdapat perbezaan antara kepuasan guru terhadap modul PKJRP.

5. Metodologi Kajian

5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan setakat mana penilaian guru prasekolah terhadap kualiti modul PKJRP, potensi keberkesanan dan tahap kepuasan mereka terhadap modul PKJRP (pemboleh ubah bebas). Hanya satu pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini, iaitu kandungan modul PKJRP. Menurut Noraini (2013), kajian tinjauan sesuai digunakan untuk mengenalpasti hubungkait antara populasi dan beberapa pemboleh ubah.

5.2 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengumpulkan data di kalangan 115 orang guru prasekolah di daerah Kuala Langat dan Sepang di Selangor.

5.3 Populasi dan Sampel Kajian

Table 3.1
Table for Determining Sample Size of a Known Population

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

Note: N is Population Size; S is Sample Size
Source: Krejcie & Morgan, 1970

Rajah 1: Jadual Krejcie and Morgan 1970

Populasi kajian terdiri daripada 160 orang guru prasekolah. Jumlah populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah 115 dengan berdasarkan ukuran sampel Krejcie dan Morgan (1970). Prosedur persampelan yang diadaptasi dalam kajian ini untuk pengumpulan data adalah kaedah persampelan kemudahan dan tinjauan soal selidik diedarkan pada semua responden melalui pautan dalam talian.

5.4 Instrumen Kajian

Borang soal selidik Instrumen Penilaian Kualiti Modul (PK) daripada Kajian Instrumen Penilaian Kualiti untuk Modul Pengajaran: Pengujian Ciri Psikometrik, m (Ang & Lee, 2016) telah diadaptasikan dalam kajian ini. Instrumen kajian telah dijelaskan dalam Jadual 1, seperti dibawah;

Jadual 1: Instrumen kajian

Bahagian	Tajuk	Jumlah Soalan
Bahagian A	Maklumat Demografi	4
Bahagian B	Kualiti Kandungan Modul PKJRP	8
Bahagian C	Potensi Keberkesanan Modul PKJRP	18
Bahagian D	Kepuasan Keseluruhan Terhadap Modul PKJRP	21

Instrumen kajian ini juga disenaraikan item-item mengikut kualiti kandungan, potensi keberkesanan dan kepuasan keseluruhan modul PKJRP dalam Jadual 2.

Jadual 2: Spesifikasi item-item

Faktor	Item-item
Kualiti Kandungan Modul	1, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9
Potensi Keberkesanan Modul	11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 26, 27, 32, 33, 34, 38
Kepuasan Keseluruhan Modul	10, 17, 24, 25, 28, 29, 30, 31, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48

5.5 Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Item

Kebolehpercayaan dan kesahan sangat penting dalam skala pengukuran. Analisis kebolehpercayaan adalah ukuran ketekalan dalaman indikator untuk konstruk (Hair et al., 2017). Tujuan analisis kebolehpercayaan adalah untuk menentukan seberapa baik sekumpulan item memanfaatkan beberapa sumber varians umum (Viswanathan, 2015). Melalui kajian rintis, nilai alpha Cronbach yang ditemui ialah 0.968 bagi kualiti kandungan modul, 0.981 bagi potensi keberkesanan modul dan 0.971 bagi konstruk kepuasan keseluruhan modul PJKRP. Jadual 3 menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi ketiga-tiga konstruk.

Jadual 3: Nilai Cronbach Alpha

KOD	Deskripsi	Nilai Cronbach Alpha
KK	Kualiti Kandungan Modul PKJRP	0.968
PK	Potensi Keberkesanan Modul PKJRP	0.981
KT	Kepuasan Terhadap Modul PKJRP	0.971

5.6 Analisis Data

Kajian ini dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Analisis statistic inferensi seperti Kolerasi digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara penilaian guru prasekolah terhadap kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul PKJRP. Selain daripada itu, Ujian satu hala ANOVA telah digunakan untuk mengenalpasti perbezaan antara penilaian guru prasekolah dandan kepuasan keseluruhan modul PKJRP dan aras signifikan bagi kajian ini telah ditetapkan pada nilai 0.05.

6. Dapatan Kajian

6.1 Demografi Responden Kajian

Jadual 4: Rumusan Jantina Jantina

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	LELAKI	31	27.0	27.0	27.0
	PEREMPUAN	84	73.0	73.0	100.0
	Total	115	100.0	100.0	

Jadual 4 menunjukkan rumusan jantina responden dalam kajian ini, sebanyak 84 guru prasekolah perempuan dan 31 orang guru prasekolah lelaki telah terlibat dalam soal selidik di kawasan Selangor. Selain daripada itu, analisis umur responden telah dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Umur Responden
Umur

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	20-30 tahun	16	13.9	13.9	13.9
	30-40 tahun	49	42.6	42.6	56.5
	40-50 tahun	37	32.2	32.2	88.7
	50-60 tahun	13	11.3	11.3	100.0
	Total	115	100.0	100.0	

Jadual 6 menunjukkan peringkat pengajian di kalangan 115 orang guru prasekolah. Terdapat sebanyak 29 orang guru prasekolah mempunyai sijil diploma, 60 orang guru prasekolah mempunyai ijazah sarjana muda dan 26 orang guru prasekolah mempunyai ijazah sarjana.

Jadual 6: Peringkat Pengajian
PERINGKAT PENGAJIAN

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Diploma	29	25.2	25.2	25.2
	Ijazah Sarjana Muda	60	52.2	52.2	77.4
	Ijazah Sarjana	26	22.6	22.6	100.0
	Total	115	100.0	100.0	

Pengalaman mengajar di kalangan 115 orang guru prasekolah telah dianalisis dan dipaparkan dalam Jadual 7. Guru prasekolah yang mengajar selama 10-15 tahun merupakan peratusan yang tertinggi dalam kajian ini.

Jadual 7: Pengalaman Mengajar

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	5-10 tahun	21	18.3	18.3	18.3
	10-15 tahun	42	36.5	36.5	54.8
	15-20 tahun	34	29.6	29.6	84.3
	>20 tahun	18	15.7	15.7	100.0
	Total	115	100.0	100.0	

6.2 Hubungan Antara Penilaian Guru Prasekolah Terhadap Kualiti Kandungan Modul PKJRP

Jadual 8: Kolerasi KK

Correlations

		Kualiti Kandungan Modul	Potensi Keberkesanan Modul	Kepuasan Terhadap Modul
Kualiti_Kandungan_Modul	Pearson Correlation	1	0.402**	0.103
	Sig. (2-tailed)		0.000	0.273
	N	115	115	115

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapatan kajian yang berkait penilaian guru prasekolah terhadap kualiti kandungan modul PKJRP boleh didapati dalam Jadual 8. Hasil kajian analisis regresi menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikansi di antara kualiti modul pengajaran dan penilaian guru prasekolah. Ia dapat dilihat dari hasil Analisis iaitu nilai Sig 0.000 dan 0.005. Selain dari itu didapati bahwa

nilai beta ialah 0.402 dan ia menunjukkan bahawa PT ada korelasi sebanyak 0.40% berpositif terhadap KK. Ini menunjukkan bahawa kualiti pengajaran modul ini telah menyediakan objektif yang senang dicapai hasil pembelajaran murid-murid prasekolah dan isi kandungan tidak bercanggah dengan tepati objektif pembelajaran. Berdasarkan hasil dapatan soalan kajian pertama, maka hipotesis nol pertama telah ditolak.

6.3 Hubungan Antara Penilaian Guru Prasekolah Terhadap Potensi Keberkesanan Modul PKJRP

Jadual 9: Kolerasi PK

Correlations	Kualiti Kandungan Modul	Potensi Keberkesanan Modul	Kepuasan Terhadap Modul
Potensi_Keberkesanan_Modul	Pearson Correlation	0.402**	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.120
	N	115	115

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Hasil kajian analisis kolerasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikansi diantara potensi keberkesanan modul PKJRP dengan penilaian guru prasekolah. Ia dapat dilihat dari hasil Analisis iaitu nilai Sig 0.000 dan 0.005. Selain dari itu didapati bahawa nilai beta ialah 0.402 dan ia menunjukkan bahawa sebanyak 0.40% berpositif terhadap PK. Ini menunjukkan bahawa guru-guru prasekolah bersikap positif terhadap modul ini dari segi tempoh peruntukan masa aktiviti yang disediakan adalah sesuai semasa pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid prasekolah. Pengukuhan yang jelas serta istilah yang mudah difahami dalam modul pengajaran tersebut. Berdasarkan hasil dapatan soalan kajian kedua, maka hipotesis nol kedua telah ditolak.

6.4 Perbezaan antara Penilaian Guru Prasekolah dengan Kepuasan Keseluruhan Modul PKJRP

Jadual 10: Jadual 10 Perbezaan antara Penilaian Guru dan Kepuasan Keseluruhan Modul PKJRP

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Dua	Kuasa F	Sig.
Antara Kumpulan	11.045	2	2.871	13.299	.000*
Dalam Kumpulan	30.890	112	0.207		

Jadual 10 membincangkan hasil ujian satu hala ANOVA yang dijalankan. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara penilaian guru terhadap kepuasan keseluruhan modul PKJRP dengan nilai signifikan 0.000 ($p < 0.05$). Maka, hipotesis nol yang ketiga ditolak.

7. Perbincangan

Ketiga-tiga hipotesis nol dalam kajian ini telah ditolak berdasarkan hasil-hasil dapatan. Dari hasil-hasil dapatan kajian, didapati terdapat hubungan positif di antara penilaian guru prasekolah terhadap kualiti kandungan dan potensi keberkesanan modul PKJRP. Selain itu, hasil dapatan Ujian satu hala ANOVA juga menunjukkan terdapat perbezaan antara kepuasan guru prasekolah terhadap modul PKJRP. Keputusan hipotesis nol kajian telah diringkaskan seperti jadual di bawah:

Jadual 11: Keputusan Hipotesis Nol Kajian

HIPOTESIS NOL KAJIAN		KEPUTUSAN
H ₀₁	Tiada hubungan antara penilaian guru terhadap aspek kualiti kandungan modul PKJRP	Ditolak
H ₀₂	Tiada hubungan antara penilaian guru terhadap aspek potensi keberkesanan modul PKJRP	Ditolak
H ₀₃	Tidak terdapat perbezaan antara kepuasan guru terhadap modul PKJRP	Ditolak

Kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru prasekolah mempunyai pengetahuan keselamatan jalan raya asas dengan kepuasan mereka terhadap modul PKJRP. Akan tetapi, guru prasekolah didapati bahawa tidak mempunyai teknik atau cara penyesuaian untuk mengajar keselamatan jalan raya pada peringkat pendidikan awal. Contohnya, papan tanda keselamatan jalan raya dapat dijumpai di kawasan persekolahan tetapi, jarang guru prasekolah akan menyerapkannya dalam pengajaran dan pembejaran keselamatan jalan raya.

Hasil dapatan kajian ini telah disokong dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ang dan Lee (2016) bahawa pembinaan modul PKJRP ini telah menyesuaikan tahap pendidikan prasekolah di mana menggunakan istilah-istilah yang senang difahami. Tambahan pula, penambahbaikan kandungan, cara penyampaian dan latihan dalam modul ini juga disetujui oleh para guru prasekolah bahawa sumber pengajaran yang sedia ada adalah sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan awal.

8. Kesimpulan

Guru memainkan peranan penting dalam penghantaran ilmu pengetahuan PKJRP dan seterusnya menyedarkan anak bangsa supaya selalu berhati-hati di jalan raya Kawasan sekolah atau di luar sekolah demi mencapai hasrat kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Pihak pentadbir sekolah juga berperanan dalam merancang dan memastikan segala kurikulum dan program yang dirancang oleh pihak KPM dijalankan dengan lancar. Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah semasa penghantaran ilmu pengetahuan PKJRP juga perlu dititikberatkan oleh pihak KPM agar memudahkan perjalanan pengajaran dan seterusnya mencapai matlamat PKJR.

Rujukan

- Ang, C. T., & Lee, L. W. (2016). Instrumen penilaian kualiti untuk modul pengajaran: Pengujian ciri psikometrik. *Jurnalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 25 – 43.
- Ashraf, I., Hur, S., Shafiq, M., & Park, Y. (2019). Catastrophic factors involved in road accidents: Underlying causes and descriptive analysis. *PloS one*, 14(10), e0223473.
- Awaluddin, S. M., Ahmad, F. H., Jeevananthan, C., Ganapathy, S. S., Sooryanarayana, R., Mohamad Anuar, M. F., Rosman, A. (2019). Prevalence of Nonfatal Serious Injury Due to Motor Vehicle Accidents Among Malaysian School-Going Adolescents: Findings From the Adolescent Health Survey 2017. *Asia Pacific Journal of Public Health*, 31(8_suppl), 65S-72S.
- Deme, D. (2019). Review on factors causes road traffic accident in Africa. *Journal of Architecture and Construction*, 2(3), 41-49.
- Halim, I. I. A., Amarah, A., Kadir, A. Z. A., & Norhayatie, I. (2020). Safety road signage application for kids. *International Journal of Synergy in Engineering and Technology*, 1(1).

- Hair, J., Hollingsworth, C. L., Randolph, A. B., & Chong, A. Y. L. (2017). An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems research. *Industrial Management & Data Systems*.
- Harith, S. H., Mahmud, N., & Doulatbadi, M. (2020). A conceptual framework on the role of road safety management intervention in overcoming road accident.
- Hassan, A. I., NA Hamzah, NK Makhtarc.. (2019). Perception of Ergonomic Safety Training among School Teachers in Kelantan, Malaysia.
- Ismail, A. R., Hamzah, N. A., Makhtar, N. K., Hassan, N. H. C., Mohamad, D., & Deros, B. M. (2018). A study of road hazards faced by Malaysian school children using HIRARC. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*(2), 10-17.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Mahayadin, A., Shahrman, A., Hashim, M., Razlan, Z., Wan, W., Ibrahim, I., & Harun, A. (2018). Effects of Rubbernecking Phenomena Towards Vehicle Deceleration Rate Due to Primary Accident Location by Implementing Safety Incident Screens for Improvement of Human Behaviour Alteration in Penang's Urban Road System. Paper presented at the 2018 International Conference on Computational Approach in Smart Systems Design and Applications (ICASSDA).
- Mahat, N., Jamil, N., & Raseli, S. S. (2020) . Analysing road accident triggers in Malaysia by using analytical hierarchy process. *Gading Journal of Science and Technology*, 3(02), 118-125.
- Magdeline, N., & Zamri, M. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mazlan, I. (2016). *Kesan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya terhadap niat membentuk sikap positif dalam kalangan murid sekolah rendah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Ekologi Manusia, UPM.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Rohaida, M. (2017). Tahap Pengetahuan, pemahaman, dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan kajian pengajaran. *Journal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 30-40.
- Ting, C.-Y., Tan, N. Y.-Z., Hashim, H. H., Ho, C. C., & Shabadin, A. (2020). *Malaysian Road Accident Severity: Variables and Predictive Models Computational Science and Technology* (pp. 699-708): Springer.
- Zamri, M. & Anita, A. R. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi: Penerbit UKM